

TAHAP PENGGUNAAN DAN SIKAP TERHADAP KOMPUTER DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH TUARAN, SABAH

Abdul Said Ambotang

ABSTRACT

The purpose of this research is to identify the level of awareness among the primary school teachers and their attitude towards the used of computer in their teaching and learning process. The responses of 106 respondents were analyzed using descriptive method, inferential statistic, one way ANOVA and Pearson correlation. Result showed that the level of computer literacy among the teachers is high but the level of using computer in their teaching and learning are very unsatisfied. There were significant relationship between the level of literacy and the used of computer ($r = 0.350$, $p < 0.01$). It is hope that with this information obtained will assist the Ministry of Education and any other respective parties in planning and design a proper programme to increase and encourage the used of computer in teaching and learning.

PENGENALAN

Guru berperanan sebagai pengurus dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Proses pengurusan ini melibatkan perancangan, pengoperasian, kepimpinan, penyelarasan dan kawalan. Pengajaran dan pembelajaran melibatkan perancangan harian, mingguan dan tahunan agar kurikulum dapat diorganisasikan dengan jelas dan lancar sekali gus dapat diikuti oleh pelajar. Selaras dengan pelaksanaan Multimedia Super Corridor (MSC), Kementerian Pelajaran telah menggalakkan proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan dan mengintegrasikan komputer dalam mata pelajaran Matematik, Sains, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris mulai tahun 1998 (Lay & Khoo, 2002a). Justeru, guru merupakan model kepada pelajar dalam menggunakan dan mengintegrasikan komputer bertujuan mendedahkan mereka dengan kaedah dan punca maklumat yang diperlukan. Kajian ini akan melihat bagaimana tahap literasi ataupun celik komputer dalam kalangan guru, sikap dan hubungan antara tahap literasi dan penggunaan komputer membantu melaksanakan pengajaran mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Banyak usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran untuk membudayakan penggunaan komputer dalam kalangan guru agar penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan. Ini terbukti apabila kebanyakan sekolah telah dilengkapi dengan kemudahan komputer sebagai satu usaha untuk menggalakkan penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran. Masalahnya ialah sejauh mana guru mahir menggunakan komputer? Adakah komputer yang disediakan di sekolah

digunakan untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran? Di samping itu, kajian ini akan dapat mengetahui tahap keyakinan dan kepercayaan guru terhadap penggunaan komputer dalam membantu melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga akan meninjau sama ada terdapat perkaitan terhadap tahap iterasi komputer dan sikap dengan penggunaan komputer dalam pengajaran berdasarkan faktor demografi dan bukan demografi yang telah dikenal pasti.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan dapat menjawab soalan-soalan seperti berikut:

- i. Apakah tahap literasi komputer dalam kalangan guru di sekolah rendah terpilih di daerah Tuaran?
- ii. Berapakah kekerapan penggunaan komputer dalam pengajaran dalam kalangan guru di daerah Tuaran?
- iii. Adakah guru mempunyai tahap keyakinan dan kepercayaan tinggi terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran?
- iv. Apakah kemahiran perisian komputer yang dikuasai guru dan adakah kemahiran ini diaplikasikan dalam pengajaran?
- v. Apakah tahap literasi komputer mempengaruhi penggunaan komputer sebagai alat untuk membantu pengajaran dalam kalangan guru di daerah Tuaran?
- vi. Adakah keyakinan dan kepercayaan guru terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran mempengaruhi penggunaan komputer dalam pengajaran guru?

SOROTAN LITERATUR

Menurut Sugilar (1996), tahap literasi komputer seperti yang diutarakan oleh Dologite menentukan indeks komponen literasi komputer daripada sesuatu perkara yang dilakukan oleh seseorang yang berkaitan dengan komputer. Beberapa perkara lain yang berkaitan ialah seperti tempoh penggunaan, perisian yang digunakan, pemilikan dan penggunaan kerja yang melibatkan komputer. Takrifan literasi komputer oleh Pusat Perkembangan Kurikulum merangkumi asas operasi komputer dan perisian seperti *Word*, *Excel*, *Access*, *PowerPoint*, *Outlook Express* dan *Internet Explorer* (Unit KDP, 2002).

Kajian yang dibuat oleh Lay dan Khoo (2002a) menunjukkan bahawa lelaki dan perempuan mempunyai tahap literasi komputer yang hampir sama. Pemilikan komputer di rumah juga bukanlah faktor penting mempengaruhi tahap literasi komputer dalam kalangan pensyarah maktab. Mohamad Rashid (1987, dalam Abang Ahmad dan Salawati, 1998) mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pemilikan komputer dengan sikap pengetua terhadap

penggunaan komputer dalam pentadbiran sekolah. Sebaliknya, kajian Harvey dan Wilson (1985, dalam Abang Ahmad dan Salawati, 1998) mendapati bahawa guru yang memiliki komputer peribadi mempunyai sikap yang lebih positif daripada guru yang tidak memiliki komputer. Bagaimanapun, kekerapan menggunakan komputer mempengaruhi tahap literasi iaitu pensyarah yang sering kali menggunakan komputer mempunyai tahap literasi yang tinggi (Lay & Khoo, 2002b). Dapatan ini disokong oleh Zulkifli dan Raja Maznah (1994) yang mengkaji sikap, pengetahuan dan pengalaman penggunaan komputer dalam kalangan guru pelatih di Universiti Malaya (UM). Kajian mereka menunjukkan bahawa guru yang memiliki komputer di rumah mempunyai sikap positif terhadap penggunaan komputer. Oleh itu, mereka mempunyai kemahiran yang baik kerana pendedahan penggunaan komputer yang lebih banyak.

Kajian yang dibuat oleh Abang Ahmad dan Salawati (1998) berkaitan dengan penggunaan komputer dalam pengurusan sekolah di Sarawak mendapati bahawa penggunaan komputer masih dingin dan mundur. Dari segi umur, terdapat perbezaan yang signifikan antara pentadbir yang berumur lebih 50 tahun dengan mereka yang berumur antara 20 hingga 40 tahun. Golongan muda mempunyai sikap keseronokan dan kerisauan yang lebih tinggi berbanding golongan yang berumur lebih 50 tahun. Hal ini mungkin kerana golongan berumur lebih 50 tahun menganggap mereka sudah menghampiri masa persaraan dan sudah tidak memerlukan komputer. Lay dan Khoo (2002b) juga mendapati keadaan yang hampir sama, iaitu terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap literasi komputer dalam kalangan pensyarah maktab mengikut peringkat umur. Pensyarah yang berumur dalam lingkungan 35 hingga 44 tahun mempunyai tahap literasi komputer yang lebih tinggi berbanding pensyarah yang berumur lebih 44 tahun. Keadaan ini berlaku kerana kurangnya pengetahuan dan kemahiran menggunakan komputer dalam kalangan golongan yang berumur kerana menganggap komputer sebagai alat teknologi baru yang memerlukan kemahiran tinggi.

Kajian yang dibuat oleh Tan dan Cheah (2002) menggunakan tiga ciri celik komputer iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap penggunaan komputer dalam melihat tahap literasi komputer guru. Empat buah sekolah telah dijadikan responden dan mendapati bahawa tiga buah daripada sekolah berkenaan menunjukkan tahap literasi komputer yang rendah, manakala sebuah sekolah menunjukkan tahap literasi yang agak tinggi tetapi tidak meluas. Punca utama yang menyebabkan kekurangan kemahiran guru dalam penggunaan komputer adalah kerana kekurangan pendedahan seperti kursus '*in house training*' yang dianjurkan oleh sekolah.

Namun begitu, asas penguasaan teknologi maklumat (IT) oleh guru sering menjadi persoalan. Guru-guru sering melontarkan pelbagai persoalan berbentuk tentangan disebabkan oleh kekurangan yang ada pada diri mereka sendiri. Guru-

guru masih tidak menyedari kepentingan IT dalam perkembangan pendidikan malah masih lemah dalam penguasaan asas IT. Keadaan ini menyebabkan guru-guru tidak berkemahiran dalam pengurusan IT dan hal ini menjadikan mereka kurang berkeyakinan menggunakan komputer di bidang pendidikan (Kartini, 2002).

Beberapa kajian awal mendapati penggunaan komputer dalam kalangan guru adalah rendah. Menurut Asiah (dalam Abd. Latif Gapor, 1998), kebanyakan guru tidak yakin dan terlatih menggunakan media dalam pengajaran seperti penggunaan komputer. Kajian beliau juga menunjukkan penggunaan alat dan bahan semakin kurang digunakan di bilik darjah. Perkara ini disokong oleh Nordin dan Roslee (2003) yang menyatakan bahawa terdapat semacam keengganan, ketidakupayaan dan 'inersia' dalam kalangan guru untuk menggunakan teknologi pendidikan semasa mengendalikan tugas mereka terutama ketika menjalankan tugas pengajaran. Begitu juga hasil kajian oleh Mohd Azrul (2000) terhadap 60 orang guru dari 12 buah sekolah menengah mendapati bahawa 70 peratus responden tidak tahu menggunakan komputer.

Akibat kekurangan pengetahuan dan kemahiran menggunakan komputer, maka hal ini secara langsung membatasi penggunaan komputer dalam pengajaran. Kajian yang dibuat oleh Rosnaini dan Ruhaizan (2003) yang mengkaji literasi teknologi maklumat dan komunikasi mendapati penggunaan komputer adalah rendah disebabkan oleh tahap literasi yang sederhana. Tan dan Cheah (2002) yang menggunakan empat buah sekolah sebagai kajian mendapati bahawa tiga buah sekolah menunjukkan tahap penggunaan komputer yang rendah dan hanya sebuah sekolah menunjukkan penggunaan komputer pada tahap tinggi tetapi tidak meluas dalam kalangan gurunya. Penggunaan komputer yang rendah di tiga buah sekolah yang dikaji adalah disebabkan kekurangan kemudahan komputer yang boleh digunakan untuk pengajaran. Di samping itu, kemahiran penggunaan komputer dalam pengajaran juga adalah kurang.

Norizan (2003) telah mengkaji kemahiran dan penggunaan komputer dalam pengajaran sains di sekolah menengah dan telah mendapati bahawa kemahiran perisian komputer yang paling dikuasai guru adalah kemahiran dalam menggunakan *Microsoft Word* yang banyak digunakan oleh guru untuk menulis soalan dan laporan.

Menurut Razali (2002), antara kaedah pengajaran guru dengan bantuan komputer ialah pengajaran yang menggunakan komputer sebagai simulasi. Hal ini berkisar terhadap keupayaan komputer untuk menghasilkan satu model di atas skrin bagi sebahagian daripada dunia sebenar, yang biasanya tidak dapat dialami oleh pelajar kerana hal ini mustahil untuk dialami disebabkan oleh kekangan masa, keadaan, kewangan atau resos fizikal. Simulasi komputer amat membantu guru dalam menghidupkan '*subject matter*' sesuatu subjek. Sebagai contoh, seorang guru sejarah

boleh menunjukkan lokasi arkeologi yang menarik menerusi internet. Bahan-bahan grafik yang boleh diperolehi dari internet sangat penting untuk membawa imaginasi pelajar memahami pembelajaran yang berada di luar persekitarannya.

Razali (2002) mendapati bahawa internet membawa pelbagai maklumat ke dalam rumah, bilik darjah dan juga komuniti. Banyak program inkuiri dan efektif berupaya menyediakan pelajar untuk menilai dunia baru yang penuh dengan bahan dan maklumat menerusi pandangan yang kritikal dan fokus kepada bahan berkaitan dengan keperluan mereka. Keadaan ini tentunya akan mengubah peranan guru dan pelajar. Perubahan guru bukanlah setakat dari segi kemahiran sebaliknya adalah cara mereka menggunakan skil yang sedia ada. Anjakan paradigma ini menggambarkan proses pendidikan dengan memberi penekanan kepada pelajar dalam mengawal pembelajaran mereka. Di samping itu, pertukaran maklumat juga menjadi lebih pantas apabila akses pangkalan data dan perkhidmatan *on line* yang cepat dapat memberi sumber multimedia seperti audio dan video interaktif.

Kajian yang dibuat oleh Mona dan Nor Azilah (2003) mendapati penggunaan komputer masih kurang dalam pengajaran guru. Hal ini disebabkan oleh kurangnya perisian komputer yang sesuai digunakan dalam pengajaran selain keselesaan guru dalam melaksanakan pengajaran dengan corak tradisional. Dapatan kajian mereka telah menunjukkan bahawa guru-guru masih menggunakan perisian dan perkakasan teknologi komputer setakat untuk menyiapkan tugas harian. Integrasi komputer dalam pengajaran masih berada di tahap yang rendah dan sangat jarang dilaksanakan oleh guru. Penggunaan ini menunjukkan sungguhpun komputer sudah menjadi sebahagian perkakasan sekolah peranannya tetap tidak berubah sejak tahun 1997, iaitu sebagai '*glorified typewriter*' (Nor Azilah & Mona, 2003). Kajian yang dibuat oleh Sarimah (2003) mengenai penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik mendapati bahawa para pendidik mempunyai persepsi yang positif terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran. Kebanyakan guru di Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) berkeyakinan dan telah bersedia menggunakan ICT dalam pengajaran mereka. Bagaimanapun, kesediaan guru yang dikaji bergantung kepada kecekapan dan kemahiran mereka menggunakan komputer. Oleh itu, persediaan guru adalah penting bagi memastikan matlamat dan objektif pengajaran menggunakan ICT dapat dicapai.

Kajian yang dibuat oleh Abdullah (1999) telah mendedahkan kepentingan penggunaan komputer dalam pendidikan. Oleh itu, beliau menggesa agar semua guru diberikan pelbagai latihan supaya mereka celik komputer dan internet sementara Kementerian Pelajaran pula perlu mempromosikan kursus komputer kepada para guru dan juga membekalkan komputer yang dilengkapi dengan internet di semua sekolah. Walaupun Kementerian Pelajaran dan masyarakat menyedari kepentingan komputer dalam pendidikan, masih banyak kekangan dalam mengaplikasikan perkara ini.

Kekurangan latihan merupakan faktor penghalang dari segi penggunaan komputer dalam setiap mata pelajaran (Gan, 2000). Malah, masalah kekurangan latihan memang telah menjadi satu fenomena universal. Kajian yang dijalankan oleh Jamaludin & Muhamad (2000) juga mendapati kebanyakan guru tidak pernah menggunakan internet, lebih-lebih lagi dalam pengajaran mereka. Keadaan ini disebabkan oleh kekurangan kemudahan internet di sekolah. Penggunaan internet yang kurang dalam pengajaran adalah kerana kurangnya pengetahuan guru terhadap laman web yang berkaitan dengan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini juga disokong oleh Yusup (2003) yang mendapati bahawa hanya 4 peratus responden yang menggunakan internet untuk mendapatkan bahan-bahan pengajaran. Halangan ini berpunca daripada kekurangan kemudahan internet di sekolah di samping ketiadaan maklumat tentang kewujudan laman-laman web yang berkaitan dengan akademik.

Sementara itu, kajian yang dibuat oleh Nor Azilah (2003) berkenaan persepsi guru dalam latihan berkaitan penggunaan komputer di sekolah di Malaysia telah mendapati bahawa para guru dalam latihan menganggap mereka tidak mempunyai latihan dan kursus yang mencukupi. Oleh itu, hal ini telah mempengaruhi keupayaan mereka untuk menggunakan komputer.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk deskriptif dan inferensi. Soal selidik digunakan untuk mendapat maklumat berkenaan latar belakang responden, tahap literasi komputer responden, kekerapan penggunaan komputer sebagai alat membantu pengajaran guru dan tahap keyakinan serta kepercayaan guru terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran.

Pemilihan responden pula adalah berbentuk pensampelan kelompok dalam setiap sekolah yang dipilih. Teknik pensampelan ini digunakan kerana pengkaji hanya membuat kajian ke atas responden yang terlibat dalam pengajaran subjek tingkatan tiga hingga tingkatan enam. Data dalam kajian ini akan dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferens menerusi perisian *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) for Windows Version 12.0*. Aras signifikan yang ditentukan dalam penyelidikan ini dengan nilai alfa bersamaan 0.05 digunakan dalam semua analisis data. Oleh kerana kajian ini turut menggunakan kaedah deskriptif, maka statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis dapatan kajian menggunakan min, mod, median, sisihan piawai dan peratusan.

Maklumat latar belakang demografi responden seperti jantina, umur responden, pemilikan komputer peribadi dan bilangan kursus yang pernah diikuti akan dianalisis menggunakan analisis statistik deskriptif yang akan menggunakan

statistik min, mod, median dan sisihan piawai. Seterusnya data yang akan melihat hubungan antara pemboleh ubah akan dianalisis menggunakan analisis statistik inferens menggunakan ujian tertentu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

ANALISIS DATA

Kajian ini telah dijalankan ke atas 106 guru yang mengajar di empat buah sekolah rendah berkenaan. Responden dari Sekolah Kebangsaan A adalah sebanyak 33 peratus, 27.4 peratus dari Sekolah Kebangsaan B, 22 peratus dari Sekolah Kebangsaan C dan selebihnya dari Sekolah Kebangsaan D. Jadual 1 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut sekolah.

Jadual 1: Taburan responden mengikut sekolah

Taburan Responden Mengikut Sekolah	Frekuensi	Peratusan	Jumlah Peratusan
Sekolah Kebangsaan A	35	33.0	33.0
Sekolah Kebangsaan B	22	20.8	53.8
Sekolah Kebangsaan C	20	18.9	72.6
Sekolah Kebangsaan D	29	27.4	100.0
Jumlah	106	100.0	100.0

Dari segi pemilikan komputer peribadi, hampir kesemua responden memiliki komputer peribadi iaitu seramai 101 responden (95.3 peratus) manakala hanya sebanyak lima responden (4.7 peratus) tidak memiliki komputer di rumah. Bilangan responden yang tidak pernah mengikuti kursus komputer adalah sebanyak 37 responden (34.9 peratus), manakala sebanyak 48 responden telah mengikuti kursus komputer sebanyak sekali atau dua kali dan 21 (19.8 peratus) responden menyatakan pernah mengikuti kursus komputer lebih daripada dua kali. Hal ini bermakna 65.1 peratus responden pernah mengikuti kursus komputer sekurang-kurangnya sekali. Seramai 73 responden (68.95 peratus) adalah lulusan diploma maktab perguruan, 30 responden (28.3 peratus) berkelulusan sarjana muda dan terdapat tiga orang responden (2.8 peratus) yang berkelulusan sarjana.


Secara keseluruhannya, tahap kemahiran komputer dalam kalangan responden boleh dilihat pada Jadual 2. Tahap kemahiran komputer dalam kalangan responden ditunjukkan dengan nilai min keseluruhan sebanyak 3.16.

Jadual 2 : Tahap kemahiran perisian komputer guru

Kemahiran perisian komputer yang digunakan dalam pengajaran	Min
Kemahiran <i>Microsoft Word</i>	3.56
Kemahiran <i>Microsoft PowerPoint</i>	2.72
Kemahiran Internet	2.57
Min keseluruhan Item	3.16

Analisis data terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran guru adalah dengan melihat kekerapan penggunaan komputer berdasarkan perisian *Microsoft Word*, *Microsoft PowerPoint* dan internet dalam pengajaran guru. Kekerapan penggunaan *Microsoft Word* dalam pengajaran guru ditunjukkan dalam Jadual 3 menggunakan item yang berkaitan sekali gus menunjukkan min kekerapan penggunaan *Microsoft Word* dalam pengajaran guru.

Berdasarkan min sebanyak 1.65 penggunaan komputer dalam pengajaran guru, maka dapat dikatakan bahawa penggunaan komputer oleh guru adalah kurang daripada sebulan sekali. Hal ini bermakna penggunaan komputer adalah sangat jarang atau tidak pernah dilaksanakan oleh guru. Perkara ini boleh dilihat dalam skala Likert di bawah yang mendapati bahawa penggunaan komputer dalam pengajaran guru adalah rendah, iaitu digunakan kurang daripada sebulan sekali.




Jadual 3 :
Min tahap penggunaan perisian komputer

Tahap kekerapan penggunaan perisian komputer yang digunakan dalam pengajaran	Min
Tahap penggunaan <i>Microsoft Word</i>	2.11
Tahap penggunaan <i>Microsoft PowerPoint</i>	1.61
Tahap penggunaan Internet	1.54
Min keseluruhan	1.65

Keyakinan dan kepercayaan penggunaan komputer dalam pengajaran pula ditunjukkan pada Jadual 4. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa keyakinan dan kepercayaan guru terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran adalah sangat tinggi. Guru percaya dan yakin bahawa penggunaan komputer dalam pengajaran akan meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran mereka.

Skala Likert di bawah menunjukkan tahap keyakinan dan kepercayaan terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran guru iaitu sebanyak 3.35.



Keputusan ini menunjukkan bahawa para guru juga mempunyai keyakinan dan kepercayaan yang tinggi dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran menggunakan komputer.

Dalam melihat hubungan antara pemboleh ubah bersandar, analisis korelasi Pearson (r) telah digunakan. Jadual 4 menunjukkan analisis hubungan pemboleh ubah tahap literasi komputer dengan penggunaan komputer dalam pengajaran guru.

Jadual 4: Korelasi antara tahap literasi komputer dengan penggunaan komputer dalam pengajaran

		Kemahiran Komputer	Penggunaan Komputer
Kemahiran Komputer	Korelasi Pearson	1	0.350(**)
	Sig. (2-Hujung)	.	.000
	Bil	106	106
Penggunaan Komputer	Korelasi Pearson	0.350(**)	1
	Sig. (2-Hujung)	.000	.
	Bil	106	106

** Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2-hujung).

Berdasarkan data yang diperoleh, didapati terdapat perhubungan yang signifikan di antara tahap literasi komputer guru dengan penggunaan komputer dalam pengajaran iaitu nilai signifikan pada $r = 0.350$. Walau bagaimanapun,

hubungan ini adalah lemah. Oleh itu, hipotesis yang menyatakan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap literasi komputer dengan kekerapan penggunaan komputer dalam pengajaran dalam kalangan guru tidak dapat diterima.

Data yang diperoleh didapati dalam konteks melihat perhubungan yang signifikan antara keyakinan dan kepercayaan komputer dalam pengajaran dengan penggunaan komputer dalam pengajaran pada tahap seperti yang dilihat dalam Jadual 5. Nilai signifikan adalah pada $r = 0.499$. Oleh itu, hipotesis yang menyatakan tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam keyakinan dan kepercayaan guru dalam pengajaran menggunakan komputer dengan penggunaan komputer dalam pengajaran tidak dapat diterima.

Jadual 5: Korelasi antara tahap keyakinan dan kepercayaan terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran

		Keyakinan dan Kepercayaan	Penggunaan Komputer
Keyakinan dan kepercayaan	Korelasi Pearson	1	.499(**)
	Sig. (2-hujung)	.	.000
	Bil	106	106
Penggunaan komputer dalam pengajaran	Korelasi Pearson	.499(**)	1
	Sig. (2-hujung)	.000	.
	Bil	106	106

** Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2-hujung).

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Dapatan kajian menunjukkan tahap literasi komputer dalam kalangan guru adalah tinggi berdasarkan nilai min yang diperoleh. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden dapat dikategorikan dalam kumpulan 'mahir' menggunakan komputer. Perkara ini adalah kerana literasi komputer merupakan suatu keperluan bagi kebanyakan guru dalam pengurusan pendidikan hari ini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian awal yang mendapati bahawa tahap literasi komputer dalam kalangan responden adalah sederhana. Kajian yang dibuat oleh Rosnaini dan Ruhaizan (2002) yang mengkaji literasi teknologi maklumat dan komunikasi mendapati bahawa 85 peratus responden mempunyai tahap literasi komputer yang sederhana. Begitu juga dengan dapatan kajian literasi komputer dalam kalangan pensyarah

Maktab Keningau yang dibuat oleh Lay dan Khoo (2002a) mendapati tahap literasi dalam kalangan pensyarah berada pada tahap sederhana. Kini kemahiran komputer telah berkembang dengan pesat dalam kalangan masyarakat berikutan keperluannya yang semakin meluas dalam pelbagai bidang.

Dapatan kajian berkenaan literasi komputer guru menunjukkan bahawa kemahiran yang paling dikuasai oleh kebanyakan guru ialah kemahiran menggunakan *Microsoft Word*, diikuti kemahiran mengendalikan *Microsoft PowerPoint* dan juga kemahiran internet. Kajian ini turut menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai kemahiran komputer yang sesuai diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Nor Azilah & Mona (2003), kemahiran komputer seperti pemprosesan perkataan, perisian persembahan dan internet adalah memadai diintegrasikan dalam pengajaran guru di dalam kelas.

Bagaimanapun, dapatan penyelidikan juga mendapati penggunaan internet oleh guru sangat jarang digunakan dalam pengajaran. Malah, penggunaan internet untuk perhubungan sangat jarang dilaksanakan oleh mereka. Sementara untuk mendapatkan bahan-bahan pengajaran menerusi internet pula berada pada tahap sebulan sekali atau kurang. Sungguhpun begitu, guru mempunyai kesedaran tinggi terhadap kepentingan internet dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini terbukti apabila para guru didapati menggalakkan pelajar melayari internet untuk mendapatkan maklumat tambahan untuk pelajaran mereka.

Kajian ini juga dapat mendedahkan keyakinan dan kepercayaan guru terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa keyakinan dan kepercayaan guru terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran adalah sangat tinggi. Mereka juga yakin penggunaan komputer dalam pengajaran akan meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka. Guru-guru berpendapat kemahiran komputer adalah kemahiran yang berguna kepada guru. Mereka juga yakin dan percaya bahawa penggunaan komputer boleh meningkatkan kualiti kerja. Dalam usaha meningkatkan keberkesanan pengajaran, guru juga mempunyai keyakinan dan kepercayaan yang tinggi bahawa jika mereka lebih banyak menggunakan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan yang serupa juga telah diperoleh oleh Norizan (2003), dalam kajiannya terhadap kemahiran dan penggunaan komputer dalam pengajaran Sains di sekolah menengah. Ismail (2003) mengatakan bahawa guru yang berkeyakinan terhadap komputer akan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah kerana komputer boleh melayani keperluan pelajar yang berbeza mengikut latar belakang dan pengalaman mereka.

Dalam melihat hubungan antara kemahiran komputer dan penggunaan komputer oleh guru, ujian korelasi Pearson (r) menunjukkan adanya hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah tersebut. Bagaimanapun, nilai hubungan signifikan ini adalah lemah. Hubungan lemah antara kedua-dua pemboleh ubah ini wujud kerana

tahap literasi komputer guru adalah tinggi tetapi lebih dipengaruhi oleh sikap guru yang kurang menggunakan integrasi komputer dalam pengajaran mereka.

Hubungan antara keyakinan dan kepercayaan guru dalam pengajaran dengan penggunaan komputer dalam pengajaran juga memperlihatkan perhubungan yang sederhana kuat berdasarkan nilai pekali korelasi Pearson (r) yang diperoleh. Hubungan ini menunjukkan bahawa sebahagian guru yang mempunyai keyakinan dan kepercayaan terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran melaksanakan pengajaran mereka dengan bantuan komputer. Daripada analisis data, didapati bahawa secara keseluruhan guru yang terlibat mempunyai persepsi yang positif terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai satu inovasi pendidikan. Kepercayaan dan keyakinan tinggi guru terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran merupakan sokongan mereka terhadap pelaksanaan teknologi komputer dalam pendidikan.

CADANGAN

- i. Dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran komputer, guru perlu menggunakannya secara berterusan sehingga mahir agar dapat dimanfaatkan.
- ii. Permasalahan penggunaan komputer dalam bidang pendidikan bukan berlaku dari segi literasi komputer guru, sebaliknya kesediaan guru-guru dalam melaksanakan pengajaran menggunakan komputer. Oleh itu, guru-guru perlu menyediakan diri mereka dengan sistem pengajaran yang lebih bercirikan teknologi.
- iii. Organisasi pendidikan harus menganjurkan kursus komputer yang dapat dikaitkan dengan subjek yang diajar agar dapat diaplikasikan terus dalam pengajaran masing-masing.
- iv. Pihak sekolah boleh merancang dan menjalankan kursus teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pendidikan sebagai alat, media dan bahan untuk guru. Tindakan ini harus diambil supaya semua guru dapat didedahkan dengan teknologi pelajaran. Hal ini membolehkan mereka memahami dengan lebih mendalam mengenai penggunaan komputer dalam pendidikan sebagai satu langkah persediaan ke arah sekolah bestari yang menekankan *smart teaching* dan *smart use of technology*.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian ini didapati bahawa guru-guru mempunyai tahap literasi komputer yang tinggi dalam menggunakan perisian yang sesuai ketika melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Perkara yang menjadi permasalahan dalam melaksanakan pengajaran menggunakan komputer ialah kesediaan guru dalam melakukan perubahan kepada sistem pengajaran mereka. Para guru perlu mengubah sikap daripada sentiasa melaksanakan pengajaran menggunakan kaedah tradisional yang lebih kepada 'chalk and talk' kepada amalan integrasi komputer dan multimedia dalam pengajaran mereka.

RUJUKAN

- Abang Ahmad & Salawati Talib. (1998). *Sikap Pentadbir Terhadap Penggunaan Komputer Dalam Pengurusan Pendidikan*. dicapai daripada http://www.Mpbl.edu.my/mpbl03/resecah/1998/98_Abang.pdf.
- Abdul Latif Haji Gapor. (1998). Impak Perubahan Kurikulum di Maktab Perguruan Kepada Kebolehan dan Kemahiran Menggunakan Media dan Teknologi Pengajaran. *Kertas Prosiding Konvensyen Teknologi Pendidikan Kali 11*. PTPM. 4-6 September 1998.
- Abdul Latif Haji Gapor. (2002). Perkembangan pengetahuan profesionalisme guru dalam penggunaan teknologi pendidikan dalam *Buku Prosiding UPSIITEC*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdullah Md Yatim. (1999). Perkembangan Internet dan Implikasi Terhadap Suasana Pengajaran Sekolah. *Jurnal Pendidikan Guru*. Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil.12/1999.
- Gan S.L. (2000). *IT & Education in Malaysia: Problems, Issues and Challenges*. Kuala Lumpur: Longman.
- Ismail Zain. (2002). *Aplikasi Multimedia dalam Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Jamaludin Badusah & Muhamad Hussin. (2000). Bilik Darjah Internet- Penggunaan Pelbagai Bahan Media (MOO). *Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pembangunan Dalam Pendidikan 2000: Penyelidikan ke Arah Inovasi Pedagogi*. 3-4 Oktober 2000. Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kartini Baharun. (2002). Sekolah Bestari: Pedagogi Abad Ke-21 dan Profesionalisme Guru. *Jurnal Pendidikan Guru*, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil. 15/2002.
- Lay Yoon Fah & Khoo Chwee Hoon. (2002a). Tahap Literasi Komputer di Kalangan Pensyarah Perguruan Keningau. *Jurnal Penyelidikan Maktab Perguruan Keningau Sabah*. Bil. 1.

- Lay Yoon Fah & Khoo Chwee Hoon. (2002b). The Relationship Between Gender, Computing Experience and Attitude Towards Computer. *Jurnal Penyelidikan Maktab Perguruan Keningau Sabah*. Bil. 1.
- Mohd Azrul. (2000). Multimedia Presentation System (MPS) Support for Learning and Teaching in Virtual Environment. *Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pembangunan Dalam Pendidikan 2000: Penyelidikan ke Arah Inovasi Pedagogi*. 3-4 Oktober 2000. Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mona Masood & Nor Azilah Ngah. (2003). *Kedudukan pelbagai teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran pada peringkat sekolah rendah. Satu penilaian semula*. Kertas kerja dibentangkan dalam Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke-16 (ICT dalam Pendidikan dan Latihan: Trend dan Isu), di City Bayview Hotel Melaka, 13-16 Jun 2003.
- Nor Azilah Ngah & Mona Masood. (2003). *Penilaian berterusan mengenai kedudukan pelbagai teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah*. Universiti Sains Malaysia.
- Norazah Mohd Nordin & Halimah Badioze Zaman. (2002). Pakej Matematik: Pakej Berasaskan Pendekatan Hibrid bagi pelajaran Matematik (matriks) Tingkatan Empat Sekolah Bestari. *Jurnal Pendidikan Guru*, Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil 15/2002.
- Nordin Mamat & Roslee Mohamad. (2003). *Budaya ICT di kalangan guru-guru Sains dan Matematik di Daerah Pasir Puteh*. Kertas kerja dibentangkan dalam Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke-16 (ICT dalam Pendidikan dan Latihan: Trend dan Isu), di City Bayview Hotel Melaka, 13-16 Jun 2003.
- Norizan Hj Ahmad. (2003). *Kemahiran dan penggunaan komputer dalam pengajaran Sains di sekolah menengah: Lebih banyak persoalan daripada jawapan*. Kertas kerja dibentangkan dalam Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke-16 (ICT dalam Pendidikan dan Latihan: Trend dan Isu), di City Bayview Hotel Melaka, 13-16 Jun 2003.
- Razali Ismail. (2002). ICT Dalam Pendidikan: Trend dan isu dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik. *Jurnal Pendidikan Guru*, Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil 15/2002.
- Rosnaini Mahmud & Ruhaizan Mohamad Yasin. (2003). *Literasi teknologi maklumat (TMK) guru-guru sekolah menengah: Satu kajian berbentuk 'Hands-On'*. Universiti Putra Malaysia.
- Rozinah Jamaludin. (2000). *Asas-asas Multimedia dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors Sdn. Bhd.
- Sarimah Ismail. (2003). *Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains di UPSI dari perspektif pendidik*. Kertas kerja dibentangkan dalam Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke-16 (ICT dalam Pendidikan dan Latihan: Trend dan Isu), di City Bayview Hotel Melaka, 13-16 Jun 2003.

- Sugilar. (1996). *Hubungan literasi komputer dengan sikap terhadap pembelajaran berbantuan komputer* (tesis). Jakarta: PPS-IKIP.
- Tan Soon Yin & Cheah Kooi Guan . 2002. Latihan dan Teknologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru-guru. *Jurnal Pendidikan Guru*, Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil 15/2002.
- Yusup Hashim. (2003). *Konsep dan aplikasi teknologi maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam instruksi dan pembelajaran*. Kertas kerja dibentangkan dalam Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke-16 (ICT dalam Pendidikan dan Latihan: Trend dan Isu), di City Bayview Hotel Melaka, 13-16 Jun 2003.
- Zulkifli A. Manaf dan Raja Maznah Raja Hussain.(1994). Attitudes, Knowledge and Previous Computer Experience of Teacher Trainees in Diploma of Education Programme at University of Malaya. *Jurnal Pendidikan*. Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil. 11/1994.